



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PUAN FAEZAH BINTI MOHAMAD
USAHAWAN SERUNDING KAMPUNG LAUT**

OLEH:

INTAN NOR AZAH BT MD RAZAK	2016565787
SITI NURHAFRIZA BT MOHAMAD HANIFAH	2016718505

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2018 – JULAI 2018)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PUAN FAEZAH BINTI MOHAMAD
USAHAWAN SERUNDING KAMPUNG LAUT**

OLEH:

INTAN NOR AZAH BT MD RAZAK	2016565787
SITI NURHAFRIZA BT MOHAMAD HANIFAH	2016718505

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2018 – JULAI 2018)**

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t terlebih dahulu kami ingin panjatkan penuh kesyukuran kepada Yang Maha Esa, Allah S.W.T kerana akhirnya kami dapat melengkapkan Projek Pendokumentasikan Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Tidak dapat dinafikan, pelbagai cabaran yang kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran kami dan pertolongan-Nya kami dapat atasi masalah ini dengan baiknya.

Jutaan terima kasih kami tujukan kepada pembimbing akademik kami untuk subjek IMR 605 – Oral Documentation (Pendokumentasi Sejarah Lisan), Puan Nurulannisa bt Abdullah yang telah memberikan segala ilmu dan pengetahuan yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar untuk menyiapkan projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga sekali lagi di atas dorongan beliau dan kami amat menghargainya.

Saudari Faezah Binti Mohamad, tokoh yang kami hormati dan setinggi-tinggi terima kasih kami ucapkan terhadap kerjasama yang beliau berikan. Kami tidak mungkin akan dapat menghasilkan transkrip yang sebergini lengkap dan bernilai ini tanpa bantuan Puan Faezah Binti Mohamad.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pendokumentasi ini, ibubapa serta rakan rakan seperjuangan yang memberikan sedikit sebanyak tunjuk ajar kepada kami semasa menghasilkan projek transkrip temubual ini.

Sekian terima kasih.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Transkrip ini mengandungi sesi wawancara bersama Saudari Puan Faizah. Beliau merupakan seorang usahawan Serunding Kampung Laut yang telah Berjaya dalam bidang perniagaan. Wawancara ini telah dijalankan di rumah Puan Faezah Binti Mohamad yang bertempat di Kampung Laut Kota Bharu, Kelantan pada hari Jumaat bersamaan 29 April 2018 pada jam 10.30 pagi. Transkrip ini menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau serta pengalaman beliau sepanjang menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Selain itu, temubual in juga menumpukan tentang pengalaman pahit dan manis yang beliau lalui sepanjang menjadi seorang usahawan Serunding Kampung Laut ini. Beliau turut menceritakan bagaimana beliau boleh mengambil alih perniagaan Serunding Kampung Laut ini.*

Kata Kunci: *Usahawan, Serunding Kampung Laut, Kelantan, Peniaga*

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	iii
Isi Kandungan.....	v
Biodata Tokoh.....	vii
Pengenalan.....	x
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	02
Bahagian 2: Pendidikan dan Pelajaran.....	04
Bahagian 3: Pencapaian dan Pengiktirafan.....	05
Bahagian 4: Kerjaya.....	06
Bahagian 5: Inovasi.....	13
Bahagian 6: Masalah dan isu.....	15
Bahagian 7: Hak Cipta Terpelihara.....	22
Bahagian 8: Harapan Dan Nasihat.....	23
Lampiran	
Log Wawancara.....	26
Diari Kajian.....	28
Senarai soalan.....	31
Surat Perjanjian.....	40
Gambar.....	41
Indeks.....	43
Rujukan.....	45

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama Penuh	:	Faezah binti Mohamad
Alamat	:	Kampung Laut Kota Bharu Kelantan
Kelahiran	:	Tumpat, Kelantan
Jantina	:	Perempuan
Bangsa	:	Melayu
Agama	:	Islam
Pendidikan (Rendah, Menengah, Tinggi)	:	Sekolah Rendah Kampung Laut Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Laut Diploma Pengurusan Maklumat
Status	:	Berkahwin

Keluarga	:	Suami – Muhamad Afif bin Aziz Anak – 5 orang
Hobi	:	Menonton televisyen
Kerjaya	:	Peniagaan serunding
Bilangan Adik-Beradik	:	12 Orang Puan Faezah binti Mohamad – anak ke 12

PENGENALAN

Pengenalan

Transkrip ini mengandungi sesi wawancara bersama Puan Faezah Binti Mohamad yang telah dijalankan pada 29 April 2018 bersamaan hari Jumaat jam 10.30 pagi bertempat di Kampung Laut Kota Bharu, Kelantan. Beliau merupakan seorang usahawan yang telah Berjaya dalam bidang perniagaan Serunding di Kampung Laut Kota Bharu, Kelantan.

Saudari Puan Faezah Binti Mohamad telah dilahirkan di Tumpat, Kelantan. Beliau merupakan anak yang ke dua belas daripada dua belas adik-beradik, berstatuskan sudah berkahwin. Hasil perkahwinan bersamanya suaminya, Muhamad Afif bin Aziz yang bersal daripada Wakaf Bharu Kelantan. Mereka telah dikurniakan empat orang cahaya mata iaitu dua orang lelaki dan dua orang perempuan.

Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Kampung Laut. Beliau telah bersekolah di sekolah tersebut daripada darjah satu sehingga darjah enam. Kemudian beliau bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Laut bermula dari tingkatan satu sehingga tingkatan lima. Kemudian beliau meneruskan pengajian beliau ke peringkat diploma dimana beliau mendapatkan pendidikan di Universiti teknologi Mara Cawangan Kelantan Kampus Machang pada satu ketika dahulu. Beliau mengambil kursus pengurusan maklumat semasa melanjutkan pengajian di peringkat diploma. Transkrip wawancara ini dijalankan selama dua puluh tiga minit, penumpuan sese wawancara ini menjurus kepada pengenalan diri, pendidikan, pencapaian dan pengiktirafan, perniagaan serunding, inovasi, masalah dan isu, hak cipta terpelihara dan harapan dan nasihat.

Transkrip ini lebih menceritakan tentang pengalaman beliau sebelum dan juga selepas bergelar pemilik Serunding Kampung Laut setelah mengambil alih perniagaan ibunya. Permulaan kerjaya beliau setelah mengambil alih perniagaan ibunya bermula tahun 2015. Bermula di rumahnya, Kampung Laut Kota Bharu, Kelantan beliau mula mencuburi lebih dekat dalam bidang perniagaan serunding ini. Selepas beberapa tahun, perniagaan serunding beliau semakin berkembang dari semasa ke semasa. Beliau juga menceritakan pengalaman beliau tentang cabaran dan usaha yang dilakukan beliau dalam memajukan perniagaan serunding beliau memandangkan terdapat ramai pesaing di sekitar perumahan beliau.

Beliau juga ada memberikan beberapa harapan dan nasihat kepada masyarakat tentang perniagaan makanan traditional Kelantan ini. Antaranya ialah memberi nasihat kepada peniaga-peniaga di luar Kelantan atau di dalam Kelantan tentang serunding dan harapan kepada anak-anak muda tentang kepentingan makanan traditional Kelantan atau yang ingin memulakan perniagaan makanan traditional Kelantan ini

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang Puan Faezah binti Mohamad iaitu pewaris kepada ibunya iaitu merupakan salah seorang yang telah memperkenalkan serunding di Kampung Laut. Sesi wawancara ini telah dijalankan di rumah beliau di Kampung Laut Kota Bharu, Kelantan. Sesi wawancara bersama Puan Faezah bin Mohamad ini telah diadakan pada 29 April 2018 jam 10.30 pagi hingga 11.00 pagi. Temu bual ini berkisahkan tentang Puan Faezah sebagai pengusaha peniagaan Serunding Kampung Laut. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

FM: Faezah Mohamad

INA: Intan Nor Azah

SN: Siti Nurhafiza

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

INA: Assalammualaikum puan, sebagai permulaan perbualan kita. Boleh puan cerita kan serba sedikit tentang latar belakang Puan, seperti nama puan, nama panggilan Puan dengan umur Puan sendiri?

FM : Waalaikummuslim, nama akak la ye[ya]?

INA: *Haah [ya].*

FM: Nama akak Faedah Binti Mohamad. Akak berumur tiga puluh lima tahun, Akak berasal dari Tumpat, Kelantan. Nanti *jap* [sekejap], okay, akak tinggal di Kampung Laut.

INA: Ya.

FM: PalekBang, Tumpat, Kelantan. Akak anak yang ke dua belas. Adik beradik akak pun dua belas, kiranya akak anak bongsu la. Hobi akak, akak suka *tengok* [menonton] *tv* [televisyen] (gelak), tengok cerita. Okay, makanan kegemaran akak *pulak* [pula] akak suka makanan kampung. Akak sudah berkahwin, rasanya empat belas tahun dah. Anak akak ada empat orang, dua lelaki dua perempuan. Nama suami akak Muhamad Afif bin Aziz. Suami akak pun berasal dari Kelantan, Wakaf Bharu. Suami akak dia tak kerja, dia kerja dengan akak buat *business* [perniagaan] sekali.

INA: Kiteorang [Kami] nak panggil puan, nama panggilan puan?

FM: Kat sini panggil Faedah sahaja.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: PENDIDIKAN DAN PELAJARAN

SN: Okay seterusnya kita akan beralih ke sisi Pendidikan dan Pelajaran yang telah puan terima. Sepanjang puan lahir sehingga sekarang, pendidikan dan pelajaran puan terima apa dia?

FM: Akak *start* [mula] dengan sekolah rendah, Sekolah Rendah Kebangsaan Kampung Laut dekat Kelantan jugak. *Lepastu* [selepas itu], sekolah menengah pun *area* [Kawasan] sini jugak, Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Laut. Lepastu, habis sekolah menengah akak melanjutkan pelajaran akak dekat UiTM Machang, Kelantan dalam *course* [jurusan] Pengajian Maklumat. Akak melanjutkan pelajaran dekat Universiti Teknologi MARA, Machang, Kelantan

SN: Boleh puan kongsi sedikit pencapaian puan waktu sekolah rendah, sekolah menengah?

FM: Rasanya, tidak ada (gelak) pencapaian sangat. Biasa-biasa *aje* [sahaja], Cuma *ala* [macam] sukan-sukan sekolah, macam tu je lah.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN

INA: Okay puan, dari segi pencapaian dan pengiktirafan pulak, boleh puan berkongsi berkenaan pencapaian puan telah perolehi sewaktu belajar. Adakah puan pernah menyertai program sukarelawan ataupun puan pernah mendapat pengiktirafan daripada pihak-pihak luar?

FM: Rasanya sepanjang akak belajar, takde *kut* [rasanya] (gelak).

INA: Dari segi keusahawanan pulak? Maksudnya serunding ini macam ada organisasi dia?

FM: Ya. Macam serunding ini, akak masuk bawah program yang *KADA* [Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu] buat. Kira akak masuk bawah *KADA* [Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu] la.

SN: Ada puan dapat apa-apa pengiktirafan daripada *KADA* [Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu] tu [itu]?

FM: Pengiktirafan tu *takdelah* [tidak ada], apa yang akak dapat ni Cuma akak banyak mengikuti kursus-kursus yang *KADA* [Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu] anjurkan.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: KERJAYA

SN: Seterusnya kan, puan dah [sudah] dalam bidang Seunding ini daripada 1996.
Boleh Puan terangkan serba sedikit cerita daripada tubuhnya serunding ini?

FM: Tubuhnya serunding ini, akak pun mendapat perniagaan ini daripada mak akak, menerusi daripadanya. Ikutkan serunding ini mak akak yang buatnya.

SN: Pencetuslah?

FM: Ha [ya], pencetus la.

INA: Dia mula pada tahun 1996 tu la.

FM: Ya

INA: Akak sendiri ceburi dalam bidang serunding ni?

FM: Kalau ikutkan, mula-mula start [mula] 1996 tu akak dah ceburkan diri dah, sikit-sikit, buat itu, buat ini. Cuma yang betul-betul akak *start* [mula] buatnya dalam dua tiga tahun barulah. Baru ambik [ambil] alih.

INA: Kenapa Puan memilih serunding, kalau nak dibandingkan dengan makanan-makanan lain?

FM: Sebab akak rasa, serunding ini, makanan ini oleh pergi jauhlah rasanya. Sebab ikutkan, perkerjaan lain pun banyakkkan. Tapi berikutan dah mak akak yang dahulukan serunding ni. Baik akak warisinya.

SN: Puan ada perkerjaan lain, selain meniaga serunding?

FM: Takde [tidak ada].

INA: Puan pernah berdaftar dengan SSM, Suruhanjaya Syarikat Malaysia?

FM: Ha [ya], ada-ada.

INA: Apakah resipi serunding yang membuatkan orang ramai macam nak sangat dengan serunding akak. Maksudnya ada lain daripada yang lain ke?

FM: Entahla, akak rasa-. Tapi kebanyakkan yang makan serunding akak ni [ini], dia akan tak cari yang lain punya (ketawa kecil), dia akan datang sini jugak cari serunding akak.

INA: Boleh puan terangkan waktu operasi perniagaan serunding ini. Macam Puan cakap tadi, malam macam itu?

FM: Tapi yang malam tu dekat dengan bulan puasa la, baru akak *start* [mula] malamnya. Biasanya, akak operasi dalam pukul lapan sampai pukul satu, *tupun* [itu pun] serunding tengah baru nak masak lah. Yang operasi betul-betulnya, akak *start* [mula] pukul lapan sampai pukul enam petang.

SN: Selain daripada serunding, makanan apa lagi yang puan jual?

FM: Selain daripada serunding, akak ada buat dodol. Akak ada jual dodol, buat dodol. Itu *je* [saja] lah.

INA: Serunding ini ada cawangan tak? Akak punya serunding?

FM: Serunding *ni* [ini] buat masa *ni* [ini] belum ada lagi. Sebab akak pun baru *just* [sahaja] *start* [mula] dua tiga tahun, tak sempat nak buat apa-apa lagi.

INA: Siapakah yang uruskan bahagian kewangan serunding *ni* [ini]?

FM: Kewangan, akak sendiri uruskan.

SN: *Lepastu* [selepas itu], akak ada hantar kemana-mana catering ke untuk serunding ini, ada tempahan daripada catering mana-mana ke?

FM: Setakat ini belum ada lagi.

INA: Puan ada pelanggan tetap yang selalu beli?

FM: Ada-ada.

INA: Kalau pelanggan yang luar dari Kelantan ada tak puan? Yang berminat dengan serunding puan.

FM: Ada-ada, sekarang ini pun, akak dah banyak terima tempahan daripada *JB* [Johor Bharu], daripada *KL* [Kuala Lumpur], daripada Perak, banyaklah (ketawa kecil).

SN: Anggaran tempat yang diterima tempahan tu berapa banyak? Macam daripada *JB* [Johor Bharu] semua tu?

FM: Anggaran dia *KL* [Kuala Lumpur] la paling banyak.

INA: Anggaran pelanggan puan dalam sehari puan?

FM: Dalam sehari, dalam lima enam *customer* [pelanggan].

INA: Kalau anggaran masa yang diperlukan untuk menghabiskan jualan ini?

FM: Anggaran masa, biasanya kalau akak buat hari ini dalam dua hari dah habis dah.

INA: Berapa ramai pekerja di tempat akak?

FM: Akak ada empat orang.

INA: Empat orang. Kriteria pekerja yang dipilih untuk perniagaan serunding ini?

FM: Kriteria dia mestilah dia tu pembersih, rajin dan mematuhi peraturan lah.

INA: Kelulusan bagi yang berkerja di sini?

FM: Kat sini, rasanya *takde* [tidak ada] kelulusan pun *takpe* [tidak apa] *kut* [rasanya] (ketawa kecil).

SN: Darimana Puan dapat pengedar bahan-bahan mentah untuk buat serunding?

FM: Pengedar bahan-bahan mentah, ada *area* [Kawasan] sini jugak. Dia datang hantar dekat akak lah.

SN: Hari-hari?

FM: Hari-hari.

SN: *Lepastu* [selepas itu] kalau kan akak buat serunding ayam, daging kuantiti untuk sekali masak ayam berapa?

FM: Kuantiti dia sekali masak tu dalam empat puluh lima puluh kilo.

SN: Sama dengan daging juga?

FM: Sama.

INA: Adakah punya mempunyai pengedar dari luar Malaysia, contohnya macam Thailand atau?

FM: *Takde* [tiada].

INA: Puan menyediakan penghantaran penghantaran tak untuk serunding ke pelanggan kena datang?

FM: Ada. Ada penghantaran.

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: INOVASI

INA: Bagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, peniagaan serunding menjadi tarikan satu Malaysia. Ok, apakah perkembangan dan kebaikan yang puan telah lakukan sepanjang menguruskan serunding ini daripada ibu puan sendiri yang pernahbaikanlah kiranya.

FM: Ok, untuk pernahbaikan tu akak rasa kilang *ni* [ini] kot akak tambahbaikan sikit *lepas tu* [selepas itu] tambah untuk ni je lah bahan bahan dan kuantiti serunding itu.

SN: Bagaimana akak mempromosikan serunding *ni* [ini] dekat orang ramai semua?

FM: Ha [ya], akak mempromosikan melalui Facebook je *lepas tu* [selepas itu] yang lain-lain tu *customer* [pelanggan] yang datang beli tu dia syorkan kepada orang ramai la.

SN: *Takde* [tidak] guna televisyen, radio semua?

FM: Belum lagi.

INA: Siapakah yang mengendalikan *social media* [media sosial] tersebut yang Facebook tu?

FM: Yang tu Facebook akak sendiri yang mengendalikan.

INA: Kiranya akak guna modal untuk Facebook tu akak guna *Facebook ads* [pengiklanan Facebook] ataupun akak *just* [cuma] buat *Facebook pages* [halaman Facebook] untuk serunding?

FM: *Just* [cuma] buat *Facebook pages* [halaman Facebook] je.

INA: Pernahkan puan memperluaskan kedai ini dari kecil ke besar?

FM: Pernah yang *ni* [ini] pon dah besar dah dulu kecil *je* [sahaja] sekarang dah besar la sikit.

SN: Berapa anggaran puan untuk memperbesarkan kedai ni?

FM: Dulu masa buat dulu adalah dalam lima ke sepuluh ribu [Ringgit Malaysia] *gitu* [begitu].

TAMAT BAHAGIAN 5

BAHAGIAN 6: MASALAH DAN ISU

SN: Beralih ke sesi seterusnya, sepanjang perniagaan serunding ini berjalan pasti ada masalah dan isu yang berbangkit dan menyebabkan perniagaan serunding ini terganggu. Boleh puan kongsikan serba sedikit isu atau masalah yang dihadapi semasa berniaga serunding ini.

FM: Biasanya isu *ni* [ini] serunding ni hargalah kadang-kadang harga tu kadang-kadang ada yang terlebih murah atau lebih mahal dia tak *balance* [seimbang] kan harga. Ada yang bagi murah sikit, ada yang jual mahal macam tu [itu] lah.

INA: Maksud puan dari segi orang lain yang jual serunding ke ataupun -?

FM: Orang lain la.

INA: Kesan dia terhadap serunding puan bila berlakunya macam ni [ini]?

FM: Kesan dia kurangnya orang datang nak beli kan dia mesti nak cari yang murah.

INA: Apakah tindakan puan bila mengatasi masalah ini untuk mengatasi masalah ini?

FM: Untuk mengatasi masalah ini akak rasa (bercakap dengan emak) (gelak) untuk mengatasi masalah ini akak rasa akak *straight to* [ikut kepada] harga akak lah sebab akak rasa itu pun dah berbaloi dengan akak buat tu dan lagipun bahan-bahan akak semuanya rasanya secukup rasa dah (gelak).

INA: Pernahkah puan menerima komen negatif daripada pelanggan puan?

FM: Setakat *ni* [ini] belum pernah.

INA: Kalau positif?

FM: Positif *tu* [itu] ada.

INA: Antaranya?

FM: *Dia* [pelanggan] cakap makin sedap okay makin pedas macam tu lah.

SN: Komen-komen tu selalu puan dapat daripada mana? Daripada facebook ke?

FM: Tak, daripada *customer* [pelanggan] yang datang beli.

SN: Adakah puan mempunyai pesaing di sekitar kawasan ini?

FM: Banyak. Kat sini pun pesaingan pun ramai lah dekat dengan 100 orang tu adalah.

INA: Bagaimana puan mengatasi masalah pesaing dari luar dan dalam kampung ini?

FM: Mengatasi tu rasanya tapi yang selalunya kalau pelanggan akak kalau dia dah beli dengan akak dia takkan cari yang lain. Dia akan datang beli dekat sini juga.

SN: Dalam semua kita akan ada masalah kewangan sepanjang berniaga. Macam mana akak mengatasikah atau akak mengalami masalah kewangan sepanjang akak meniaga serunding ini.

FM: Ye memanglah, akak memang mempunyai masalah kewangan tapi sekarang ni [ini] akak ada *support* [bantuan] daripada Tekun [Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga], daripada MARA [Majlis Amanah Rakyat], daripada Amanah Ikhtiar.

INA: Pernahkah perniagaan serunding mangalami kecurian. / *mean* [maksud saya] dari segi akak ke?

FM: Rasanya tak pernah.

INA: Pernah mengalami benda-benda buruk ke kak akak punya perniagaan *ni* [ini] contohnya macam kebakaran.

FM: Yang paling buruk sekali banjirlah dekat sini.

INA: Macam yang akak ceritakan sebelum ini akak ada dua belas orang adik-beradik bukan, jadi pernah tak berlaku perbalahan antara adik beradik akak tentang perniagaan ini?

FM: Buat masa *ni* [ini] *takde* [tidak ada] tak pernah.

SN: Ada tak akan ada berlaku pergaduhan Antara majikan akak dengan pekerja?

FM: Rasanya tak pernah.

INA: Apakah keputusan yang paling susah yang akak pernah buat sepanjang perniagaan serunding ini?

FM: Keputusan macam mana ya?

INA: Dari segi contohnya macam nak keluarkan modal yang banyak untuk walaupun macam kita *tak tau* [tidak tahu] kan orang akan beli ke tak kan kalau akak keluar modal yang banyak maknanya keputusan-keputusan yang macam agar sukar untuk dibuat dari segi kewangan akak macam nak ambil risikolah macam tu [itu].

FM: Yelah [baiklah], akak terpaksa ambil risikolah.

INA: Antaranya dari segi modal?

FM: Dari segi modal.

SN: Sekiranya perniagaan serunding ni [ini] melakukan sesuatu bertentangan dengan undang-undang apa yang akak akan lakukan?

INA: Kiranya macam puan ada tersalah buat contohnya dari segi undang-undang macam mana ya dari segi *Copyright* [hak cipta] contohnya macam puan nak kata puan ambil resepi orang sedangkan serunding *ni* [ini] benda yang sama kan so [jadi] macam mana puan nak tegakkan yang ini adalah puan punya macam apakah tindakan puan?

FM: Macam mana ye?

INA: Sebab *ni* [ini] kan makanan ni kan macam makanan yang dah dibuat oleh ibu puan sendiri dari tahun tahun 1996.

FM: Mungkin akak akan berdaftar dengan *SSM* [Suruhanjaya Syarikat Malaysia] dengan yang *IPO* [Intellectual Property Corporation of Malaysia] *Copyright* [hak cipta terpelihara] tu.

SN: Sepanjang perniagaan *ni* [ini] ada puan melakukan kesilapan dalam menguruskan serunding ini?

FM: Buat masa *ni* [ini] tak ada lagi lah.

INA: Adakah puan terlintas untuk membuka cawangan untuk serunding ini?

FM: InsyaAllah nak buka tu ada terlintas tengoklah.

INA: Kalau kat luar Kelantan puan ada terlintas nak buka cawangan?

FM: Ada.

SN: Sekiranya kalau puan ada terlintas nak buka cawangan di tempat lain, di mana tempat yang puan paling nak untuk buka cawangan tersebut?

FM: Saya rasa dekat Kuala Lumpur kot (gelak).

INA: Apakah strategi puan untuk mengekalkan serunding puan?

FM: Strategi nak kekalkan rasanya buat macam biasalah.

TAMAT BAHAGIAN 6

BAHAGIAN 7: HAK CIPTA TERPELIHARA

SN: Hak Cipta Terpelihara sangat penting dalam sesebuah perniagaan di Malaysia. Melalui perkara di atas adakah puan telah berdaftar resepi dan nama perniagaan ini di bawah Hak Cipta Terpelihara?

FM: Belum lagi belum lagi sebab akak pun baru je ambil alih perniagaan ni. Akak pun belum sempat buat apa-apa lagi.

INA: Macam akak pun sedia maklum kalau kita tak buat Hak Cipta Terpelihara ini akan ada *effect* [kesan] dimana nanti akak punya resepi kena curi. Akak punya anggaran untuk buat Hak Cipta Terpelihara ni [ini] bila, bila akak akan sebab dia punya proses nak lulus pun lama kan.

FM: InsyaAllah dalam satu atau dua tahun lagi.

TAMAT BAHAGIAN 7

BAHAGIAN 8: HARAPAN DAN NASIHAT

INA: Baiklah kita dah ke sesi akhir, apakah harapan puan terhadap perniagaan serunding di luar sana?

FM: Harapan saya harapan akak agar serunding ini akan pergi lebih jauh lagi ke luar Negara ke dan berharap agar serunding akak *ni* [ini] mendapat sambutan yang ramai dan serunding akak akan *famous* [terkenal] lah untuk masa akan datang (gelak).

SN: Siapakah yang akan meneruskan legasi serunding ini sebab akak pun dah meneruskan daripada mak akak dan seterusnya siapa lagi yang akan meneruskan legasi serunding tersebut.

FM: Akak pun belum tahu lagi, InsyaAllah lah kalau ada salah sorang anak akak ke yang boleh teruskan perjuangan akak *ni* [ini] ke (gelak).

SN: Apakah harapan akak kepada anak anak muda di Malaysia tentang bidang perniagaan yang berkaitan dengan makanan traditional Kelantan ini?

FM: Akak berharap agarlah budak-budak sekarang *ni* [ini] dia macam apa nak cakap (gelak) dia teruskan perniagaan traditional macam ni.

SN: Demikian tadi temubual mengenai pengalaman Puan Faizah sebagai pengasas serunding yang ditubuhkan pada 1996 hingga kini. Kami mengucapkan jutaan terima kasih diatas kesudian beliau dalam memberikan maklumat mengenai serunding. Semoga hasil rakaman ini akan memberi manfaat kepada pendengar, penyelidik dan generasi akan datang. Terima Kasih puan.

INA: Terima kasih puan.

FM: Sama-sama.

TAMAT BAHAGIAN 8

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

Assalamualaikum, saya SITI NURHAFRIZA MOHAMAD HANIFAH dan saya INTAN NOR AZAH MD RAZAK akan memulakan rakaman temubual bersama Puan Faedah Mohamad seorang usahawan yang telah mengambil alih peniagaan ibunya.

Sesi wawancara ini dilakukan di rumah beliau di Kampung Laut Kota Bharu Kelantan pada 29 April 2018. Satu rakaman audio telah dibuat untuk tujuan kajian pembelanjaan.

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT RUJUKAN
00:00	Pengenalan Diri	<ol style="list-style-type: none">1. Faedah Binti Mohamad2. Tumpat Kelantan3. Muhamad Afif bin Aziz.
01:50	Pendidikan	<ol style="list-style-type: none">1. Sekolah Rendah Kebangsaan Kampung Laut2. Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Laut3. Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Laut4. Universiti Teknologi MARA, Machang, Kelantan
03:00	Pencapaian dan Pengiktirafan	<ol style="list-style-type: none">1. Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)
04:10	Perniagaan Serunding	<ol style="list-style-type: none">1. 1996
10:40	Inovasi	

12:34	Masalah dan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (Tekun) 2. Majlis Amanah Rakyat (MARA) 3. Amanah Ikhtiar 4. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) 5. Intellectual Property Corporation of Malaysia (IPO)
19:06	Hak Cipta Terpelihara	
20:09	Harapan dan Nasihat	<ol style="list-style-type: none"> 1. Puan Faezah 2. 1996

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	TINDAKAN	CATATAN
08.00 pagi - 09.00 pagi	29 March 2018	Mencari keratan akhbar berkaitan dengan perniagaan serunding di Kelantan	Tidak banyak keratan akhbar berkaitan serunding
09.00 pagi - 10.00 pagi	29 March 2018	Mencari maklumat usahawan serunding di keratan akhbar	Menghadapi kesukaran dalam menghubungi beliau kerana beliau agak sibuk
08.00 pagi - 09.00 pagi	30 March 2018	Menghantar email kepada usahawan tersebut untuk persetujuan.	Mengambil masa yang lama untuk maklum balas daripada usahawan tersebut
08.00 pagi - 09.00 pagi	1 April 2018	Mencari usahawan serunding lain.	Tidak ada maklum balas daripada usahawan pertama
09.00 pagi - 11.00 pagi	1 April 2018	Mencari maklumat usahawan baru	Mengalami kesukaran dalam mencari maklumat untuk menghubungi usahawan kedua. Maklumat diperolehi setelah menghubungi wartawan yang menemubual usahawan kedua tersebut.

08.00 pagi - 09.00 pagi	2 April 2018	Menghubungi usahawan kedua untuk mendapatkan kebenaran untuk mengadakan sesi wawancara	Usahawan mudah dihubungi. Usahawan bersetuju untuk mengadakan sesi wawancara dan tarikh telah ditetapkan
10.00 pagi - 11.00 pagi	3 April 2018	Bertanya kepada pnsyarah untuk mendapatkan kebenaran mengadakan sesi wawancara bersama usahawan yang dipilih dan kebenaran telah diberikan	Bertanya dengan berjumpa dibilik pnsyarah berkenaan
08.00 pagi - 10.00 pagi	6 April 2018	Menyediakan soalan yang akan ditanya kepada usahawan	Soalan yang disediakan adalah sebanyak 85 soalan
11.00 pagi - 12.00 tengah hari	8 April 2018	Menghubungi tokoh untuk menetapkan tarikh yang sesuai untuk memberi soalan sesi wawancara dan untuk mengadakan sesi wawancara Bersama beliau .	Tarikh yang dipersetujui untuk memberi soalan ialah pada 27 April 2018 dan tarikh yang dipersetujui untuk menemubual ialah pada 29 April 2018
10.00 pagi - 11.00 pagi	10 April 2018	Senarai soalan disemak untuk kali terakhir sebelum dicetak. Beberapa perubahan dalam soalan telah dibuat mengikut kesesuaian perniagaan	Senarai soalan telah dicetak selepas perubahan siap dilakukan pada hari tersebut

10.00 pagi - 12.00 tengah hari	27 April 2018	Pergi ke kampung tempat tinggal usahawan untuk mencari rumah beliau	Proses mencari rumah beliau mudah kerana beliau telah berkongsi alamat melalui aplikasi WhatsApp
12.00 tengah hari - 02.00 petang	27 April 2018	Memberi soalan kepada usahawan tersebut dan membincangkan tempat sesuai untuk mengadakan sesi wawancara.	Usahawan seorang yang mesra dan peramah. Terdapat tempat yang sesuai untuk sesi temubual
08.00 pagi 10.00 pagi	29 April 2018	Pergi semula ke rumah usahawan untuk sesi wawancara	Usahawan menyambut baik kedatangan kami.
10.30 pagi 11.30 pagi	29 April 2018	Sesi wawancara telah dijalankan tanpa sebarang halangan	Soalan-soalan wawancara dijawab dengan lancar.

SENARAI SOALAN

Berikut merupakan temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh Intan Nor Azah Md Razak dan Siti Nurhafiza Mohamad Hanifah bersama Puan Faizah mengenai pengalaman beliau sebagai pengasas Serunding yang ditubuhkan pada tahun _____ hingga kini. Temuabual dijalankan di _____ pada _____.

PENGENALAN DIRI

Assalammualaikum puan, sebagai permulaan perbualan kita boleh Puan ceritakan serba sedikit latarbelakang puan?

1. Siapakah nama puan?
2. Apakah nama panggilan puan?
3. Berapakah umur puan?
4. Puan berasal daripada mana?
5. Di manakah tempat tinggal puan?
6. Berapakah adik beradik puan?
7. Puan anak ke berapa?
8. Apakah hobi puan?
9. Apakah makanan kegemaran puan?
10. Berapa lamakah puan sudah berkahwin?
11. Berapakah bilangan anak puan?
12. Siapakah nama suami puan?
13. Dari manakah suami puan berasal?
14. Apakah pekerjaan suami puan?

PENDIDIKAN

Seterusnya, kita akan beralih ke sesi pendidikan dan pelajaran yang telah puan terima.

1. Sehingga tahap manakah puan melanjutkan pelajaran?
2. Dimanakah puan mendapat pendidikan sekolah rendah?
3. Apakah pencapaian puan di sekolah rendah?
4. Dimanakah puan mendapat pendidikan sekolah menengah?
5. Apakah pencapaian puan di sekolah menengah?
6. Adakah puan melanjutkan pelajaran di universiti?
7. Universiti manakah puan melanjutkan pelajaran?
8. Di negeri manakah puan melanjutkan pelajaran?

PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN

9. Bolehkah puan berkongsi berkenaan pencapaian yang telah puan peroleh sewaktu belajar?
10. Adakah puan pernah menyertai program keusahawanan?
11. Adakah puan pernah mendapat pengiktirafan dari mana-mana pihak?

PERNIAGAAN SERUNDING

Baiklah. Mari kita mulakan ke sesi utama temu ramah ini iaitu maklumat berkaitan perniagaan Serunding.

12. Bilakah perniagaan Serunding ini mula beroperasi?
13. Siapakah pencetus dan pengasas utama perniagaan Serunding?
14. Berapa lamakah puan telah menceburi bidang perniagaan Serunding?
15. Bolehkah puan berkongsi tentang pengalaman perniagaan Serunding puan?
16. Mengapakah puan memilih bidang perniagaan Serunding ini?
17. Adakah puan mempunyai pekerjaan yang lain?
18. Adakah puan sudah berdaftar dengan pihak SSM (Suruhanjaya Syarikat Malaysia)?
Jika ya, bilakah puan mendaftar?
19. Apakah resepi Serunding yang membuatkan orang ramai datang memenuhi perniagaan ini setiap hari?
20. Berapa lamakah perniagaan Serunding ini bertapak di Kelantan?
21. Bolehkan puan terangkan waktu operasi perniagaan Serunding ini?
22. Selain dari Serunding, apakah hidangan lain yang dijual?
23. Berapakah cawangan perniagaan Serunding?
24. Dimanakah lokasi cawangan?
25. Siapakah yang menguruskan bagi setiap cawangan?
26. Siapakah yang akan menguruskan bahagian kewangan perniagaan Serunding?
27. Pernahkan puan mendapat tawaran menjadi catering untuk majlis-majlis? Seperti kenduri kahwin, pertunangan, akikah dan sebagainya.
28. Adakah puan mempunyai pelanggan tetap?
29. Pernahkan puan didatangi pelanggan luar dari Kelantan hanya untuk Serunding?
30. Berapakah anggaran pelanggan puan dalam sehari?
31. Berapakah anggaran masa yang diperlukan untuk menghabiskan jualan?
32. Berapakah pekerja yang ada di cawangan ini?
33. Berapakah jumlah pekerja untuk seluruh cawangan?
34. Apakah criteria pekerja yang dipilih untuk bekerja di perniagaan Serunding ini?
35. Apakah kelulusan yang diperlukan untuk bekerja di perniagaan Serunding ini?
36. Dari manakah puan mendapat pengedar bahan – bahan mentah?
37. Berapakah kuantiti ayam yang diperlukan untuk sehari?

- 38. Berapakah kuantiti daging yang diperlukan untuk sehari?**
- 39. Adakah puan mempunyai pengedar daripada luar Malaysia? Seperti Thailand atau negeri lain.**
- 40. Adakah setiap cawangan menggunakan pengedar yang sama?**
- 41. Adakah pengedar tersebut menyediakan perkhidmatan penghantaran atau sebaliknya?**

INOVASI

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, perniagaan Serunding menjadi tarikan di seluruh Malaysia.

- 42.** Apakah perkembangan dan pembaikan yang telah puan lakukan sepanjang menguruskan perniagaan Serunding?
- 43.** Bagaimanakah puan mempromosikan jualan puan?
- 44.** Landasan apakah puan gunakan untuk mempromosikan jualan puan? Seperti surat khabar, radio, televisyen, sosial media dan sebagainya
- 45.** Apakah sosial media yang digunakan untuk mempromosikan jualan puan?
- 46.** Siapakah yang mengendalikan sosial media tersebut?
- 47.** Berapakah modal yang digunakan untuk mempromosikan jualan?
- 48.** Pernahkah puan memperluaskan kedai puan?
- 49.** Berapakah bajet yang dihabiskan untuk memperluaskan kedai puan?

MASALAH DAN ISU

Beralih ke sesi seterusnya, sepanjang perniagaan Serunding ini berjalan, pasti ada masalah dan isu yang berbangkit yang menyebabkan perniagaan Serunding terganggu.

50. Bolehkah puan berkongsi serba sedikit tentang masalah yang sering dihadapi oleh perniagaan Serunding?
51. Apakah kesan yang dihadapi oleh perniagaan Serunding puan daripada masalah tersebut?
52. Mengikut pandangan puan, bagaimanakah masalah ini boleh berlaku?
53. Apakah tindakan puan bagi mengatasi masalah ini?
54. Pernahkah puan menerima komen negatif daripada pelanggan puan?
55. Pernahkah puan menerima komen positif daripada pelanggan puan?
56. Dalam bentuk apakah puan menerima komen-komen tersebut, sebagai contoh dalam bentuk surat, mesej, komen di Facebook dan sebagainya?
57. Adakah puan mempunyai persaingan di sekitar kawasan perniagaan Serunding puan?
58. Bagaimanakah puan mengatasi masalah pesaing daripada luar dan dalam?
59. Pernahkah puan mengalami masalah kewangan dalam perniagaan Serunding?
60. Pernahkah perniagaan Serunding ini mengalami kecurian?
61. Pernahkah perniagaan Serunding ini mengalami kebakaran?
62. Pernahkah berlakunya perbalahan di antara adik-beradik puan berkaitan perniagaan Serunding ini?
63. Pernahkah berlakunya pergaduhan di antara majikan dan pekerja?
64. Apakah keputusan yang paling sukar yang pernah puan lakukan sepanjang perniagaan Serunding ini?
65. Sekiranya perniagaan Serunding puan melakukan sesuatu yang bertentangan dengan undang-undang, apakah tindakan puan?
66. Berikan contoh di mana puan pernah melakukan kesilapan dan bagaimanakah puan menguruskannya.
67. Adakah puan terlintas untuk membuka cawangan baru?
68. Adakah puan terlintas untuk membuka cawangan luar dari Kelantan?
69. Sekiranya puan ingin membuka cawangan baru di luar Kelantan, di manakah negeri yang akan dipilih?

70. Apakah strategi puan untuk mengekalkan perniagaan Serunding ini?

HAK CIPTA TERPELIHARA

Hak cipta terpelihara sangat penting dalam sesebuah perniagaan di Malaysia.

71. Melalui perkara di atas, adakah puan telah berdaftar resepi dan nama perniagaan ini di bawah hak cipta terpelihara?
72. Bilakah puan berdaftar di bawah hak cipta terpelihara?
73. Sejak bilakah perniagaan Serunding ini mula curi dan di manipulasi?
74. Bagaimana puan mengetahui masalah ini?
75. Apakah tindakan pertama puan selepas mengetahui masalah ini?
76. Adakah masalah ini terjadi selepas puan berdaftar dengan hak cipta terpelihara?
77. Adakah masalah ini terjadi sebelum puan berdaftar dengan hak cipta terpelihara?
78. Adakah puan pernah melaporkan masalah ini pada pihak berkuasa?
79. Apakah tindakan dari pihak berkuasa berkenaan masalah ini?
80. Apakah kesan masalah ini kepada perniagaan Serunding puan untuk jangka masa pendek?
81. Apakah kesan masalah ini kepada perniagaan Serunding puan untuk jangka masa panjang?
82. Apakah pesanan puan terhadap perniagaan yang tidak berdaftar?

HARAPAN DAN NASIHAT

Baiklah. Pada sesi akhir ini:

- 83.** Apakah harapan puan terhadap perniagaan Serunding diluar sana?
- 84.** Siapakah yang akan meneruskan legasi Serunding ini?
- 85.** Apakah harapan puan kepada anak-anak muda di Malaysia tentang bidang perniagaan berkaitan makanan traditional Kelantan?

Demikian tadi temubual mengenai pengalaman Puan Faezah sebagai pengasas Serunding yang ditubuhkan pada _____ hingga kini. Kami mengucapkan jutaan terima kasih diatas kesudian beliau dalam memberikan maklumat mengenai Serunding. Semoga hasil rakaman ini akan member manfaat kepada pendengar, penyelidik dan generasi akan datang. Sekian.

SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA


Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan Ivan Laczah Pada 09 April 2018

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sania ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dan _____ (tarikh).
Dipersetujui pada _____ oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengkisah (Tokoh)


Madya Dr
Ketua Unit Pengajaran
Fakulti Pengurusan Maklumat, Fakulti
Sains Pentadbiran dan Pengajaran Polisi
& Fakulti Undang-Undang
UiTM Cawangan Kelantan
Kampus Machang

GAMBAR





INDEX

A

Amanah Ikhtiar 17,27

D

Dodol 8

F

Facebook 13,14,16,34

Faezah 2,3,26,27

H

Hak Cipta 19,20,22,27,35

Harapan 23,27,36

I

IPO 20,27

J

Johor Bharu 9

K

KADA 5,26

Kampung Laut 2,3,4,26

Kelantan 2,3,4,9,20,23,26,28,32,33,35,36

Kuala Lumpur 9,20

Kota Bharu 2,26

M

Machang 4,26

Majlis Amanah Rakyat 17,27

P

Palekbang 3

Pengajian Maklumat 4

Perak 9

R

Radio 13,33

Ringgit Malaysia 14

S

Sekolah 4,26,31,32

Serunding Kampung Laut 2

Social Media 13

SSM 7,20,27,32

Surat Khabar 33

T

Televisyen 3,13,33

Tekun 17,27

Thailand 11,13

Traditional 23,36

Tumpat 3,26

U

Universiti 4,26,32

W

Wakaf Bharu 3

RUJUKAN

(Faezah Mohamad. Personal communication. 4 April, 2018)

Goh B. (2016, September 25). Heritage at Risk: our Traditional Food. Borneo Post Online. Retrieved from <http://www.theborneopost.com/2016/09/25/heritage-at-risk-our-traditional-foods/>

Luqman Arif Abdul Karim. (2018, January 11). Usaha Pulihara Kuih Warisan Traditional, Elak Pupus. Berita Harian Online. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2018/01/373817/usaha-pulihara-kuih-warisan-tradisional-elak-pupus>

Makanan Tradisi yang Dilupakan. (2014, July 25). Retrieved from http://ww1.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20140725/ke_03/Makanan-tradisi-yang-dilupakan

Rohana Ismail. (2017, February 28). Aroma Serunding Kampung Laut. *Sinar Online*. Retrieved from <http://www.sinarharian.com.my/edisi/kelantan/aroma-serunding-kampung-laut-1.635416>